

08 AUG 2002

Tioman-Bebas Cukai

PULAU TIOMAN DILAKSANA SEBAGAI PULAU BEBAS CUKAI 1 SEPT

PULAU TIOMAN, 8 Ogos (Bernama) -- Pelaksanaan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai akan berkuatkuasa 1 Sept ini, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy.

Katanya 1 Sept dipilih untuk memberi masa secukupnya kepada pihak terlibat seperti penduduk, pengusaha hotel dan peniaga membuat persediaan.

"Pelaksanaan itu dibuat berikutan lima akta berkaitan iaitu Akta Kastam, Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Zon Bebas diwartakan di Parlimen baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan pulau itu di sini hari ini.

Beliau berkata mulai 1 Sept bermakna semua cukai perkhidmatan dan jualan termasuk barang buatan Malaysia yang dibawa ke pulau ini dikecualikan cukai kecuali beberapa barangan yang ditetapkan Menteri Kewangan seperti petrol, diesel dan gas.

Pulau Tioman dengan keluasan 13,360 hektar diumumkan sebagai pulau bebas cukai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari lepas.

Chan juga berkata dengan pelaksanaan itu industri pelancongan di pulau ini diharap dapat dipertingkatkan dan dipergiatkan.

"Pada 1999 jumlah pelancong ke Tioman ialah seramai 185,000, pada tahun 2000 (200,000) manakala tahun lepas seramai 243,000 dan jumlah pelancong dijangka lebih meningkat lagi selepas ini," katanya.

Selain itu, katanya, kakitangan Jabatan Kastam juga akan ditambah bagi meningkatkan kawalan di kawasan perairan Tanjung Gemok, Tioman dan Mersing bagi memastikan kegiatan penyeludupan dapat ditangani.

-- BERNAMA

MS RON